

27 JAN 1997

Ghani-Umno

HISHAMUDDIN DILANTIK KETUA PENERANGAN UMNO JOHOR

JOHOR BAHRU, 27 Jan (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dilantik sebagai Ketua Penerangan Badan Perhubungan Umno Johor yang baru.

Hishamuddin menggantikan Ketua Umno Bahagian Seri Gading Datuk Mohamad Haji Aziz.

Pengerusi badan itu, Datuk Abdul Ghani Othman berkata Timbalan Menteri Perusahaan Utama Siti Zainab Sheikh Abu Bakar pula dilantik sebagai Bendahari yang baru menggantikan Ketua Umno Bahagian Pontian Datuk Ahmad Abdullah.

Setiausaha Kerja baru badan itu ialah Fuad Atashah, kata Abdul Ghani kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat pertama badan perhubungan itu di kediaman rasminya, Saujana, di sini hari ini.

Ketua Umno Bahagian Tebrau Datuk Ali Hassan, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri, merupakan satu-satunya muka lama yang dikekalkan sebagai Setiausaha Badan Perhubungan Umno Johor.

Abdul Ghani, yang juga Menteri Besar, berkata beliau mengetuai biro ekonomi manakala Hishamuddin dilantik sebagai ketua biro penerangan.

Anggota Parlimen kawasan Johor Baharu, Khaled Nordin dilantik mengetuai biro pendidikan, Ketua Umno Bahagian Kluang Gapar Gurrohu (agama), anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Zainalabidin Mohd Zin (pengguna), anggota Parlimen kawasan Muar Abdul Aziz Yassin (antarabangsa) dan seorang lagi anggota Exco Kerajaan Negeri Dr Abdul Latiff Ahmad (sosial dan pengaduan awam).

Beliau juga berkata Umno Johor akan melaksanakan gerakan reformasi budaya di kalangan anggotanya dan segala tenaga kerja yang ada akan digerakkan bagi menjayakan reformasi itu yang pernah diutarakan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya usaha itu perlu dilakukan kerana sudah ada tanda-tanda dalaman yang boleh membawa masalah dan merapuhkan kekuatan Umno Johor sama ada ia membabitkan politik wang, mengejar kebendaan atau mengejar jawatan dan kedudukan.

Yang turut menghadiri mesyuarat selama satu jam setengah itu ialah Timbalan Pengerusi badan itu, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin. -- BERNAMA

MKO AKD